

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Maju mundurnya sebuah bangsa sangat bergantung kepada generasi mudanya. Nasib sebuah bangsa bergantung kepada kualiti generasi muda, semakin baik kualiti generasi muda maka semakin baiklah sesebuah bangsa. Kualiti generasi muda boleh ditingkatkan melalui pendidikan. Oleh yang demikian, pemimpin di sesebuah Negara harus memandang serius soal pendidikan, malah bukan saja pemimpin akan tetapi seluruh lembaga kepimpinan perlu memainkan peranan bagi menjayakannya.

Rakyat Indonesia menyedari bahawa pendidikan adalah penting dalam kehidupan, sepertimana yang telah dinyatakan dalam Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional adalah:

“Pendidikan nasional berfungsi mengembangkan kemampuan dan membentuk watak serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam rangka mencerdaskan kehidupan bangsa, bermatlamat untuk berkembangnya potensi pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat, berilmu, cekap, kreatif, mandiri, dan menjadi warga negara yang demokratik serta bertanggung jawab”. (SISDIKNAS, 2003 : 7).

Bagi kewujudan matlamat Pendidikan Nasional tersebut, pendidikan diselenggarakan melalui pelbagai sistem yang bersifat saling melengkapinya seperti pendidikan formal, pendidikan nonformal dan pendidikan informal. Selanjutnya, pendidikan formal, yang menjadi fokus kajian ini, terbahagi kepada tiga; pendidikan dasar, pendidikan menengah, dan pendidikan tinggi.

Kajian ini dilakukan pada pendidikan menengah, namun fokus utama ianya mengenai Pendidikan Menengah Atas. Keberjayaan pendidikan pada Sekolah Menengah Atas khasnya Sekolah Agama Menengah Atas (*Islamic Senior High School*) dipengaruhi oleh ramai faktor mulai dari modal insaniyah merangkumi: pengetua

sekolah, pelajar; fasiliti merangkumi: bangunan sekolah, perpustakaan, fasiliti bilik darjah dan sebahagainya.

Di antara faktor-faktor dan aspek-aspek tersebut, pengetua sekolah merupakan faktor-faktor/ aspek-aspek yang tidak boleh diabaikan. Pengetua mempunyai kuasa didalam atas pentadbiran sebuah sekolah. Beliau berperanan sebahagai pendidik, pengurus, pentadbir, penyelia, pemimpin, pencetus inovasi, dan pencetus motivasi (Mulyasa, 2003: 98).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengetua sekolah juga memainkan peranan dalam proses merancang, mengorganisasi, melaksanakan, memimpin dan mengetuai segala program persatuan serta merangkumkan seluruh fasiliti dalam rangka mencapai matlamat yang ditetapkan. Kerana seorang pengurus dengan kepintaran dan kecerdasan yang dimilikinya mengusahakan dan mendayagunakan berbagai aktiviti yang saling berkaitan untuk mencapai matlamat (Mulyasa, 2003 : 103).

Pengetua sekolah sebagai pentadbir. Beliau juga memiliki hubungan yang sangat erat dengan perbagai aktiviti pengelolaan pentadbiran yang bersifat tertulis, penyusunan dan mengutarakan seluruh program sekolah. Secara khas, pengetua sekolah harus memiliki kemahiran untuk mengelola kurikulum, mengelola pentadbiran pelajar, mengelola pentadbiran modal insiniya, mengelola pengurusan fasiliti, mengelola pentadbiran arsip, dan mengelola pentadbiran kewangan. Aktiviti tersebut perlu dilakukan secara berkesan dan efisien agar boleh meningkatkan produktiviti sekolah. Oleh yang demikian, pengetua sekolah harus mampu membuktikan kemampuannya didalam tugas-tugas seperti berikut. (Mulyasa, 2003 : 107).

Pengetua sekolah sebahagai penyelia harus mampu mengamalkan pengawalan dan pengawasan terhadap tenaga pendidik khususnya guru dengan matlamat meningkatkan kemampuan profesional guru dan kualiti proses pembelajaran supaya ianya berlangsung secara berkesan dan efisien serta lebih dikenal dengan supervisi klinikal.

Pengetua sekolah sebagai seorang pemimpin, beliau adalah pemegang komando di sekolah dan berperanan dalam melatih, memberi penilaian, dan mengusulkan promosi/ kenaikan pangkat. Dalam pada itu pengetua sekolah juga merancang arah matlamat, menyusun rancangan, melaksanakan rancangan, mengendalikan dan memastikan bahawa segala sesuatu berjalan sesuai dengan rancangan.

Pengetua sekolah sebagai seorang pemotivasi harus boleh menciptakan suasana sekolah yang menyenangkan serta melaksanakan kepimpinan dengan baik, dengan demikian akan termotivasi para guru untuk menghasilkan prestasi yang baik. Beliau harus mengamalkan kepimpinan yang berkesan dalam setiap keadaan. Oleh yang demikian beliau harus meningkatkan kualiti individu dan menerapkan stail kepimpinan yang (kontigensi). Stail kepimpinan yang dijalankan seorang pengetua sekolah harus mampu menampung dan menghadapi aspirasi dan perubahan aspirasi individu-individu yang dipimpinya.

Pengetua sekolah merupakan peranan utama dan faktor penentu (*determinant*) keberhasilan dalam penyelenggaraan sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik dan ketrampilan pelajar. Beliau juga sebahagai salah satu peranan utama yang harus mampu mengaplikasikan visi dan misi sekolah dalam melaksanakan pembelajaran sebagai aktiviti utama di sekolah. Oleh kerana itu, pengetua sekolah sebahagai pimpinan penyelenggara lembaga pendidikan sangat mempengaruhi motivasi guru untuk selalu meningkatkan produktiviti perkhidmatannya dalam melaksanakan tugas, peranan serta

fungsi-fungsi kepimpinan yang menjawat pada dirinya sebahagai seorang pengetua sekolah.

Wan Mohn Zahid Wan Nordin (1993) menegaskan bahawa sistem pendidikan yang berwibawa dan responsive haruslah bersifat dinamik, maka oleh kerana itu dalam melangkah mencapai cita-cita Negara untuk kearah pendidikan yang bertaraf internasional atau dunia, maka peranan pengetua sekolah mestilah dinamik, Pengetua dianggap sebahagai penentu utama dalam kecemerlangan sebuah sekolah, Edmons, 1979; Hussein Mahmood, 1993; Miller, 1982 berpendapat bahawa kepimpinan pengetua merupakan penentu yang paling utama kecemerlangan sekolah yang dipimpinnya.

Ibrahim Mamat (1998), mengatakan bahawa pengetua adalah orang yang paling penting dalam sistem pendidikan disebuah Negara kerana pengetualah yang memiliki tanggungjawab dalam menentukan pendidikan kanak-kanak yang diletakkan dibawah jagaannya. Kajian-kajian terdahulu yang telah dilaksanakan membuktikan bahawa kepimpinan pengetua memiliki pengaruh yang besar kepada kualiti kejayaan sekolah, pencapaian pelajar dan kesanggupan guru-guru.

Ramai pengkaji juga telah melihat kepentingan peranan pengetua dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sebarang amalan program pendidikan di sekolah (Berman, dan McLaughin, 1976; Leithwood dan Montgomery, 1982). Penyelidikan tentang sekolah berkesan juga membolehkan bahawa pihak pengetua sekolah menghadapi dilema antara dua peranan yang berasingan, iaitu pemimpin pengajaran dengan pentadbir atau pengurus sekolah (Hussein Mahmood, 1993).

Pada Pendapat Geltner (1981) terdapat lima peranan pengetua berkaitan dengan keberkesanannya dari segi iklim dan pencapaian sekolah, berikut ini adalah peranan-peranan tersebut :

- 1) Pengetua dianggap sebahagai ahli falsafah pendidikan, pengetua dianggap sebahagai orang penting oleh guru-guru dalam kehidupan di sekolah,
- 2) Pengetua dianggap sebagai model pendidikan, guru-guru menganggap pengetua sebahagai model yang boleh merubah tingkah laku guru dengan menunjukkan contoh dan tauladan yang baik.
- 3) Pengetua dianggap sebagai penolong pendidikan, kerana pengetua dianggap sebagai sumber untuk menbolehkan sokongan, kerana dengan adanya sokongan dari pengetua maka guru akan mendapatkkan kesan yang mendalam terhadap guru dan akan meningkatkan profesionalisme guru.
- 4) Pengetua dianggap sebahagai rakan sependidikan, pengetua dianggap rakan seperjawatan dalam hubungan antara pelajar dengan ibu bapak, kerana pengetua memiliki pengetahuan luas tentang program pendidikan, prestasi akademik pelajar serta berusaha membuat keputusan secara kumpulan untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran.
- 5) Pengetua sebagai orang yang memulakan perubahan pendidikan, kerana pengetua merupakan penentu utama dalam amalan inovasi di sekolah, berkesan dan berjayanya sebuah sekolah bergantung dari kepimpinan seorang pengetua.

Untuk meningkatkan prestasi organisasi sekolah maka telah dikembangkan pengurusan berasaskan Sekolah di beberapa negara seperti Australia. Langkah pengurusan berasaskan sekolah oleh beberapa negara diikuti pula oleh negara Indonesia. Penerapan pengurusan berasaskan sekolah semakin menjadi tuntutan seiring dengan berjalannya Kurikulum Berasaskan Kompetensi (KBK) yang kemudian disempurnakan menjadi Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP).

Malah yang sering diberikan dalam pelatihan KTSP adalah pengurusan berasaskan sekolah. Yang pada dasarnya pemerksaan sekolah dengan memberikan autonomi kepada sekolah untuk menentukan kepintaran sekolah dalam rangka meningkatkan kualiti.

Matlamat Pengurusan Berasaskan Sekolah adalah untuk: a) Meningkatkan efisiensi, dengan sesukanya pengelolaan fasiliti yang ada, b) Meningkatkan kualiti melalui perkhidmatan kepada ibu bapak, pembentukan pengelolaan sekolah, profesionalisme dan lain-lain, c) Menyediakan pendidikan yang samarata melalui perkhidmatan kepada pemerintah terhadap masyarakat yang mampu dan yang kurang mampu.

Implementasi Pengurusan Berasaskan Sekolah di sekolah dan penerapannya meliputi bidang: 1) Pengurusan kurikulum dan program pembelajaran, 2) Pengurusan guru, 3) Pengurusan pelajar, 4) Pengurusan kewangan dan pembiayaan, 6) Pengurusan fasiliti pendidikan, 5) Pengurusan hubungan sekolah dengan masyarakat, dan pengurusan perkhidmatan khas. (Mulyasa, 2002 : 40-53).

Di samping pemahaman terhadap pengurusan berasaskan sekolah, keberjayaan perkhidmatan organisasi sekolah banyak bergantung kepada cara perkhidmatan kumpulan, dimana cara perkhidmatan tersebut boleh dirancangkan sesuai dengan nilai-nilai, ideologi, agama, tradisi, teknologi yang dimiliki oleh modal insaniyah yang bersangkutan. Tahap keberjayaan tersebut lebih banyak dipengaruhi oleh *Emosional Quotient* atau *EQ* (kecerdasan emosional) dari pada *intelligence* atau *IQ*. Demikian juga keberjayaan organisasi sangat dipengaruhi oleh tahap kemampuan pemikiran yang boleh diciptakan, dimana bakat tersebut boleh ditumbuhkan oleh otak sebelah kanan yang terlatih. Perkhidmatan antara otak kiri dan kanan menciptakan dorongan untuk

selalu berupaya mengamalkan berbagai macam permasalahan dan cabaran yang dihadapinya. Reuven (dalam Stein dan Book, 2002) berpendapat bahawa: Kecerdasan emosional terdiri atas suatu kepintaran dan sikap yang jelas perbezaanya, namun saling membebani. Ianya boleh dikumpulkan ke dalam lima tema am atau "ranah ", dan kemudian dikelompokkan lagi menjadi 15 unsur atau skala.

Peranan kecerdasan emosional sangat besar dalam kehidupan manusia. Kecerdasan emosional sebagai kemahiran lunak besar andilnya dalam menentukan kejayaan, hal ini mendapat perhatian dan diperkirakan oleh para pengembang Modal insaniyah, usahawan dan media. Saat ini semakin banyak teori dan pemboleh ubah tentang keberkesanan peran EQ, baik di tempat perkhidmatan mahupun dalam kehidupan pribadi. Membina hubungan baik dan strategik penyelesaian masalah adalah kunci keberjayaan dalam setiap bidang kehidupan manusia, dari membina hubungan sejak awal antara ibu bapak dan anak, sampai kemajuan seorang pimpinan untuk membuat kakitangannya menampilkan prestasi mereka yang terbaik.

Dari sisi kecerdasan emosional masih ditemukan pengetua sekolah yang bertindak kurang cerdas, seperti marah-marah terhadap guru, kaki tangan dan pelajar tanpa sebab-sebab yang jelas. Tidak mempunyai perasaan terhadap orang lain seperti belum boleh merasakan kebahagiaan dan penderitaan warga sekolah lainnya, kurang peka terhadap situasi yang terjadi, kurang boleh mengendalikan diri dan cenderung bertindak emosional. Pengetua kurang boleh mengembangkan kemampuan kecerdasan emosional yang dimilikinya secara maksimum yang boleh memberikan kebahagiaan, kesenangan serta kegembiraan kepada para pelajar di sekolah.

Melihat peranan pengetua yang sangat strategik dalam menentukan jalannya pencapaian matlamat pendidikan nasional di tingkat sekolah, maka kajian dan penyelidikan ini akan difokuskan secara khas pada: 1) aspek formal akademik, seperti

latar belakang pendidikan, tahap pendidikan, prestasi perkhidmatan, dan pengetahuan kepengurusan yang berkaitan dengan pemahaman terhadap pengurusan berasaskan sekolah; 2) aspek mental psikologik merangkumi motivasi perkhidmatan, citra diri, sikap terhadap pendidikan, kecerdasan intelektual, kecerdasan spiritual dan yang utama kecerdasan-kecerdasan emosional.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengetua sebagai seorang pengurus disekolah, mempunyai pelbagai peranan dan tanggungjawab yang melekat pada dirinya sebagai seorang pemimpin, Masyarakat berpandangan bahawa seorang pengetua merupakan seorang pengurus yang mengendalikan aktiviti-aktiviti di sekolahnya dengan mudah dan lancar yang disesuaikan dengan bidang tugas yang telah diserahkan kepada mereka. Sebenarnya hal itu tidak semudah yang disangkakan oleh masyarakat, seorang pengetua menghadapi berbagai permasalahan yang ada dalam mengamalkan tugasnya sebagai seorang pengetua, memiliki tanggungjawab dan peranan besar yang diamanatkan terhadap mereka.

Dari hasil atau tinjauan dari sekolah yang dikaji, didapati bahawa pengetua menghadapi masalah dalam pembahagian tugasnya, pengetua perlu mengamalkan tugas dan peranan yang berbeza, baik peranan dalam bidang pengurusan, mahupun dalam kepimpinan intruksional oleh kerana itu pengetua boleh mengamalkan peranan tersebut secara seimbang seperti yang sepatutnya dilaksanakan.

Kajian Hill (1980) dalam kajiannya mendapati bahawa pengetua tidak boleh mengawal perkhidmatan mereka sendiri sepenuhnya dan mendelegasikan tanggungjawab mereka kepada kakitangan sekiranya boleh. Ahmad Tajuddin (1989) mendapati bahawa pengetua adalah faham dan jelas tentang peranan mereka dalam

kepimpinan intruksional, namun peranan mereka itu tidak boleh dijalankan sepenuhnya sebagaimana sepatutnya kerana beban tugas lain adalah berat.

Kita perlu mengakui bahawa sebahagian besar tugas pengetua merupakan tugas pengurusan yang memerlukan kemahiran mengurus sekolah berkenaan, Bennet (1974) menyatakan bahawa apa yang berlaku di sekolah bukanlah semata-mata pendidikan dan pengetua bukan sekedar guru, seorang guru yang baik tidak semestinya menjadi seorang pengetua atau pengurus sekolah yang baik kerana untuk menjadi seorang pengurus yang baik membutuhkan pendidikan dan pengetahuan serta pengalaman di samping beberapa kemahiran lain seperti kemahiran berkomunikasi dan bersosialisasi, oleh kerana itu seorang pengetua sekolah harus mempunyai kemampuan dan kepimpinan yang tinggi dalam memimpin dan mengurus sekolah dengan baik.

Kita telah mengetahui bahawa peranan dan kepentingan pengetua dalam menentukan prestasi sekolah, dengan memiliki pengetua yang boleh mengamalkan peranan dan tugasnya dengan baik akan menghasilkan prestasi pengetua yang baik pula. Kepimpinan pengetua adalah penentu yang paling utama kecermelangan sekolah yang dipimpinya. Blumberg dan Greenfield (1980) juga mendapati bahawa pengetua yang berjaya adalah pengetua yang proaktif dalam membina wawasan, misi, dan matlamat.

Lim The Eng (1986) berpendapat bahawa prestasi sebuah organisasi sekolah itu bergantung kepada keberkesanan pengetua sendiri dalam mengamalkan peranan kepimpinan intruksional dan mengamalkan tugas yang mengikut arahan dari pihak atas. Namun pandangan dari guru perlu diperhatikan, perkhidmatan kepada sesiapa saja akan menjadi pemangkin kepada kemajuan dan peningkatan prestasi sekolah, pengetua lebih kepada mewujudkan keseimbangan kuasa dan tugas dalam pentadbiran di sekolah, (Stott dan Walker, 1992). Oleh kerana itu organisasi sekolah akan mengalami peningkatan prestasi dalam organisasi apabila pengetua sekolah memiliki prestasi yang

tinggi pula, yang mengamalkan peranan dan tugas dengan sebaik-baiknya, hal tersebut berlaku juga terhadap organisasi-organisasi sekolah yang berlandaskan kepada agama, bukan hanya berlaku terhadap sekolah-sekolah yang am saja.

Menurut Sanusi Uwes (2004) diantara kelemahan lembaga pendidikan agama sehingga kurang mampu dan tidak boleh bersaing dengan lembaga pendidikan lain adalah kerana kurang kemahiran mengorganisasi kelembagaan. Keadaan tersebut berkenaan dengan pengembangan modal insaniyah, guru dan kakitangan lainnya, proses belajar mengajar, pengawasan, kurikulum, dan pengurusan fasiliti. Semuanya bertumpu pada kelemahan modal insaniyah yang menjadi pelaku pengurusan dan proses pendidikan. Indikator kurang profesional pengurusan ini antara lain terlihat dari lemahnya disiplin perkhidmatan yang berakibatnya rendahnya produktiviti, lemahnya orientasi pada sistem belajar pelajar, lemahnya pengawasan kualiti para pendidik. Hal ini semua merupakan unsur-unsur yang menentukan kualiti kelembagaan pendidikan. Hal lain adalah membiarkan pengurusan pendidikan dalam keadaan tidak memenuhi *enrollment*, kualiti guru, dan pimpinan lembaga pendidikan. Dengan demikian, maksud aktiviti pendidikan untuk meningkatkan kualiti jadi tidak tercapai. Sebab, tidak mungkin dari lembaga pendidikan yang tidak berkualiti akan muncul lulusan yang berkualiti.

Problem sekolah agama dalam lingkup am menurut Tilaar (2000 : 169) adalah termarginalisasikan dari akibat arus moden, Meskipun keadaan tersebut tidak semuanya negatif, namun hal tersebut akan berdampak pada pembalikan madrasah yang semula sebagai lembaga pendidikan Islam yang berkemampuan mengamalkan pembaharuan, memungkinkan cenderung terperosok kepada sifat tertutupan dan *ortodoks*.

Kondisi perkembangan Sekolah Agama di Indonesia sekarang ini menunjukkan tanda-tanda: (a) kemampuan pengelolaan pengurusan belum seperti yang diharapkan; (b) Tingkat pendidikan guru kebanyakan belum sebanding dengan persyaratan yang

ditetapkan dan kemampuan metodologi masih rendah; (c) kemampuan mengajar guru Sekolah Agama kebanyakan masih menekankan pada pengenalan konsep yang bersifat kognitif dan belum menekankan pada perilaku beragama, etik sosial dan akhlak mulia (Qodry Azizy, 2004). Lebih lanjut, Azizy menyatakan bahawa dewasa ini kualiti pendidikan di Sekolah Agama sangat bervariasi dan sebagian besar sangat memprihatinkan. Hal ini boleh diamati dari berbagai aspek, baik berhubungan dengan *instrumental input* seperti: kurikulum, tenaga pengajar, bahan ajar, mahupun berkaitan dengan *environmental input* seperti: kondisi persekitaran fisik dan pentadbiran sekolah, aspek-aspek yang terkait dengan proses, seperti proses pembelajaran, fasiliti yang diperlukan, mahupun yang terkait dengan *output* dan *outcome*, seperti lulusan dan keterserapan oleh pasar tenaga perkhidmatan. Oleh kerana itu, upaya peningkatan kualiti pendidikan pada madrasah, mengenai pengembangan kurikulum, peningkatan profesionalitas guru, pemenuhan kebutuhan sarana prasara dan lainnya perlu terus menerus diupayakan. (Qodry Azizy: 2004).

Kejayaan pemimpin sekolah untuk memacu keberkesanan sebuah sekolah seringkali dihubungkan dengan kualiti kepimpinan sekolah (Ishak Sin, 2002; Abbas Awang & Balasandran, 2002; Abd Karim, 1989). Namun begitu, sejauh mana pemimpin sekolah menghayati kualiti kepimpinan untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah masing-masing masih menjadi persoalan (Aminah Ayob, 2004).

Pemimpin sekolah yang mempunyai kualiti dalam kepimpinan, berpengaruh, sanggup berkorban untuk kepentingan organisasi, kreatif dalam kepimpinan, berinovasi, dan berkemahiran dalam komunikasi merupakan ciri penting dalam menjaga keberkesanan sekolah. Bagi Druskat dan Wolff, (2001) aspek kompetensi emosi merupakan aspek yang lebih penting dalam kepimpinan daripada kecerdasan intelektual (IQ). Goleman (1999) menyatakan bahawa kompetensi emosi merupakan '*sine qua non*'

dalam kepemimpinan. Justeru, kepimpinan yang berkesan adalah mereka yang sanggup menempuh pelbagai cabaran dan mempunyai pengetahuan yang jelas tentang emosi dirinya dan emosi orang lain serta apa yang sepatutnya dilakukan dalam situasi tertentu bagi mendorong guru-guru untuk memberi komitmen sepenuhnya terhadap pelajar dan sekolah (Goleman, 1998). Kajian-kajian literatur menunjukkan bahawa kompetensi emosi memberi impak ke atas kepimpinan seterusnya terhadap peranan subordinat dalam meningkatkan keberkesanan sesebuah organisasi (Hamlin, 2003; Zehner & Holton III, 2003). Berasaskan pendirian itu, Forgas, (1995), Conte (2005) dan Landy (2005) mencadangkan supaya aspek kompetensi emosi pemimpin diberi perhatian dan keutamaan dalam proses kepimpinan ke arah mewujudkan organisasi yang lebih berkesan.

Dalam konteks meningkatkan prestasi dan menjana kecemerlangan pendidikan terutamanya di sekolah-sekolah agama, pemimpin sekolah bukan hanya dilihat dalam kemantapan mereka dari segi kekukuhan atau gayanya, tetapi ianya berkaitan dengan kualiti motivasi, empati, intergriti, kemampuan intuitif, yang mana kesemua itu merupakan sebahagian daripada kecerdasan emosi (Lunenberg & Ornstein, 2004). Menurut Goleman, Boyatzis dan McKee (2004), kehebatan seseorang pemimpin itu bergantung kepada kebolehannya memahami keadaan emosi subordinat di tempat perkhidmatan. Berdasarkan teori kepimpinan primal (*primal leadership*) Goleman (2005), menyatakan pemimpin yang mempunyai kekuatan emosi yang baik adalah pemimpin yang boleh memimpin dan berupaya untuk mengambil hati subordinat. Ini adalah kerana kemampuan pemimpin dalam memahami emosi subordinat merupakan sesuatu yang cukup penting di tempat perkhidmatan. Dalam hal ini, membina kekuatan dalam kecerdasan emosi merupakan kekuatan kepimpinan dalam semua peringkat organisasi (Covey, 2004).

1.4 Kerangka Teoritikal Kajian

Teori dan model merupakan alat yang boleh menerangkan, memperkirakan dan tumpuan kepada suatu kajian yang hendak dijalankan (Little John, 1996). Dalam kajian ini yang menjadi tumpuan utama adalah: model kepemimpinan intruksional pengetua, model amalan pengurusan berasaskan sekolah dan teori kecerdasan emosional.

1.4.1 Model Kepimpinan Intruksional Pengetua

Model yang dijadikan asas dalam kepemimpinan instruksional pengetua sekolah agama adalah model kepemimpinan intruksional Husein Mahmood (1997). Enam Domain kepemimpinan intruksional untuk mengukur kepemimpinan intruksional pengetua sekolah agama yang disandarkan kepada Husein Mahmood merupakan domain-domain kepemimpinan intruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987), Krug (1992). Domain tersebut meliputi: menjelaskan visi dan misi sekolah, menguruskan kurikulum dan pengajaran, memantau kemajuan pelajar, menyelia pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan iklim pembelajaran dan pengajaran, dan perkembangan staf/perkembangan profesional, serta domain perkhidmatan kepada pihak luar yang dikemukakan oleh Husein Mahmood (1997).

1.4.2 Teori Kecerdasan Emosional

Terboleh banyak teori yang dipelajari pada saat ini, tetapi dalam kajian ini hanya dipaparkan beberapa saja yaitu model empat cawangan dari Mayer dan Salovey, teori kecerdasan emosional oleh Cary Chemiss dan Daniel Goleman dan model Bar-on Emotional oleh Dr. Reuven Baron dan Dr. James Parker. Tetapi yang kita bahas hanya

model empat cawangan dari Mayer dan Salovey dan model Baron Emotional oleh Dr Reuven Baron dan James Parker.

Model empat cawangan oleh Mayer Salovey (1997), Model peter Salovey dan Jack Mayer faktor EQ terbagi atas keupayaan oleh empat bidang yaitu persepsi dan ekspresi dan emosi, penggunaan penukaran secara emosi, Pemahaman emosi, Pengurusan emosi. Empat bidang tersebut dijelaskan sebagai berikut :

1) Persepsi dan ekspresi emosi,

Persepsi dan ekspresi emosi, adalah keupayaan menyatakan emosi diri sendiri dalam tahap fizikal dan psikologikal, berupaya untuk menyatakan emosi orang lain, berupaya untuk meluapkan emosi secara tepat dan meluahkan keperluan mereka, dan berupaya membezakan antara perasaan yang tepat atau jujur dengan perasaan yang tidak tepat atau tidak jujur.

2) Penggunaan penukaran secara emosi

Penggunaan penukaran secara emosi adalah berupaya menukar arah dan pengutamaan secara pemikiran berasaskan perasaan-perasaan yang berkaitan, berupaya untuk menghasilkan emosi, untuk memudahkan olah pemikiran dan memori, berupaya untuk mempergunakan perubahan perasaan untuk menghargai pandangan yang beraneka macam, dan berupaya menggunakan keadaan emosi untuk memudahkan penyelesaian masalah dengan kreatif.

3) Pemahaman Emosi

Pemahaman emosi adalah upaya untuk memahami emosi hubungan antara berbagai emosi, berupaya melihat sebab dan akibat sesuatu emosi, berupaya memahami perasaan yang kompleks, kepelbagaian emosi, dan keadaan yang berlawanan serta berupaya memahami transisi antara emosi.

4) Pengurusan Emosi

Pengurusan emosi adalah keupayaan menerima perasaan yang menyenangkan, berupaya mengawal dari reflek emosi, berupaya melihat mendengarkan, mengasingkan diri daripada suatu keadaan dan situasi, berupaya mengurus emosi diri dan orang lain.

Model Bar-On Emotional Quotion Inventroy: Yoth Version ole Bar-On dan James Parker. Berdasarkan model Bar-On kecerdasan ini meliputi kecerdasan kognitif yang diukur dengan IQ dan kecerdasan emosi yang diukur dengan EQ, individu yang berfungsi dengan baik, berjaya dan mempunyai emosi yang sihat merupakan orang yang memiliki kecenderungan emosi yang mencukupi. Kecerdasan emosi seseorang boleh berkembang dari masa ke semasa, berubah sepanjang hidup, dan boleh dipertingkatkan melalui latihan, program pemulihan serta intervensi terapeutic. Kecerdasan emosi menggabungkan penentu-penentu keupayaan seseorang yang penting untuk menghadapi permintaan persikataran dengan berjaya, misalnya ciri personaliti asas dan kapasiti intelektual kognitif. Model ini lebih cenderung kepada model berorientasikan proses daripada model berorientasikan hasil. Model Bar-On terdiri daripada lima dimensi iaitu:

a. Intrapesonal

Intrapersonal menentukan berapa dalamnya individu itu mengetahui perasaan sendiri, iaitu berapa baiknya seseorang itu terhadap diri sendiri, dan tahu akan rancangan hdiru diri sendiri, ia juga terbahagi kepada lima bahagian iaitu kesedaran emosi sendiri, *assertibenes*, berdikari, *self-regard*, dan *self-actualization*.

b. Interpersonal

Interpersonal lebih menunjukkan kepada bertanggung jawab dan boleh dicapai, iaitu seorang itu memahami, berinteraksi dan berkait baik dengan orang lain dalam sembarang situasi, serta boleh berfungsi dalam kumpulan dengan baik dan

dipercaya. Ia juga terbahagi kepada bahagian iaitu empati, tanggung jawab sosial dan hubungan interpersonal.

c. Penggunaan tekanan

Penggunaan tekanan adalah keupayaan untuk mengatasi segala macam tekanan akibat persekitaran, perkhidmatan dan soalan-soalan yang dihadapi.

d. Penyesuaian melawan tekanan tanpa hilang kawalan: iaitu berupaya mengendalikan segala tekanan dalam keadaan tenang. Ia juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu toleransi tekanan dan kawalan desakan.

e. Penyesuaian

Penyesuaian merupakan keupayaan menimbang dan bertindak balas kepada situasi yang susah, yaitu boleh memahami benar-benar sesuatu masalah dan merancang pelbagai penyelesaian yang berkesan, ia terbahagi kepada tiga tahapan iaitu: penyelesaian masalah, penyajian realiti dan fleksibiliti.

f. Perasaan (mood)

Perasaan adalah pandangan seseorang terhadap hidupnya keupayaan menikmati hidup sesama orang lain. Suatu mempunyai peranan kepausan hati. Kita juga boleh terbahagi kepada dua bahagian iaitu kegembiraan dan optimistik.

1.4.3 Model Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah

Teori pengurusan berasaskan sekolah yang dijadikan kajian dalam penelitian ini adalah model yang didasarkan kepada kajian literatur dan dokumen polisi pengurusan berasaskan sekolah dalam rangka reformasi pendidikan di Indonesia. Model tersebut merangkumi: pengurusan kurikulum, pengurusan staff, pengurusan pelajar, pengurusan fasiliti, pengurusan kewangan, dan pengurusan persekitaran.

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Pengelolaan sekolah, mulai dari pengelolaan pengurusan, pengelolaan kewangan, hingga pengelolaan kurikulum dan pembelajaran, walaupun amalannya secara teoritik dan praktikal telah diamanatkan kepada pihak lain dengan pendelegasian kekuasaan perkhidmatan, semuanya itu pada hakikatnya merupakan tanggungjawab pengetua sekolah yang harus diperhatikan oleh pengetua. Semua aspek pengelolaan tersebut terangkul dalam bahagian pengurusan berasaskan sekolah, dengan demikian pemahaman yang baik dan komprehensif yang dimiliki pengetua mengenai pengurusan berasaskan sekolah tersebut akan semakin meningkatkan kepimpinan instruksional pengetua.

Pengetua sekolah, memiliki peranan ganda yang harus dimainkannya, seperti sebahagian khasnya dalam kepimpinan pengajaran iaitu merumuskan serta menjelaskan visi, misi dan matlamat sekolah, menguruskan kurikulum dan pengajaran, memantau kemajuan pelajar, menyelia pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan iklim pengajaran dan pembelajaran, perkembangan staf atau profesional dan perkhidmatan sama dengan pihak luar, menyebabkan dirinya berperkhidmatan dalam berbahagai tekanan. Tekanan yang bertubi-tubi dan berat boleh mengganggu kelancaran kepimpinan instruksional pengetua. Namun demikian, kecerdasan intelektual akan sangat membantu sekiranya beliau memiliki kemampuan dalam mengelola emosi, baik emosi yang berhubungan dengan diri-sendiri, perkhidmatan mahupun dengan teman sejawatan serta pelajar yang terlibat di sekolah yang dipimpinnya. Kemampuan mengelola emosi inilah yang disebut kecerdasan emosional. Dengan demikian, diakui bahawa semakin baik seorang pengetua dalam mengontrol dan mengendalikan emosinya, akan semakin baik pula kepimpinan instruksional sekolah tersebut.


Kajian ini dijalankan dengan maksud untuk memperoleh huraian mengenai seberapa besar hubungan dan kontribusi pengesahan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah (X_1), persepsi guru tentang kecerdasan emosional (X_2), persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas (Y).

Pemahaman yang mendalam dan luas tentang pengelolaan sekolah yang dipimpinya, mulai dari masalah pengelolaan pengajaran, pengurusan hingga kewangan, akan semakin memudahkan pengetua dalam mengamalkan tugasnya. Pengelolaan pengurusan luaran tersebut semakin lengkap ketika ditambah dengan kemampuan mengelola cara perilaku dan cara fikir yang terbaik. Kesanggupan mengelola emosi yang baik dan pemahaman yang baik mengenai semua aspek yang berkaitan dengan pengelolaan sekolah akan boleh meningkatkan kepimpinan instruksional pengetua.

Berdasarkan pemboleubah iaitu persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, persepsi guru kecerdasan emosional pengetua dan dikembangkan dalam kerangka berfikir, memperlihatkan signifikan antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua diduga mempunyai hubungan secara bersama-sama dengan persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas. Hubungan tersebut dikaji secara teoritik, apabila guru boleh mempersepsikan amalan pengurusan berasaskan sekolah dan mempunyai persepsi tentang kecerdasan emosional pengetua maka guru akan memiliki persepsi positif maka hal tersebut akan lebih memberi kesan positif tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua.

Dengan demikian didapati hubungan positif antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan kecerdasan emosional dengan amalan kepimpinan instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas. Ertinya semakin tinggi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional, maka semakin tinggi pula persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Model hubungan variabel bebas dan variabel terikat boleh digambarkan sepertimana berikut iaitu :



Rajah 1.1.

Hubungan Pembolehubah Tidak Bersandar dengan Pembolehubah Bersandar

Keterangan :

Y = Pembolehubah Bersandar Persepsi Guru Tentang Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas

X1 = Pembolehubah Tidak Bersandar Persepsi Guru Tentang Amalan

Pengurusan Berasaskan Sekolah

X2 = Pembolehubah Tidak Bersandar Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional Pengetua

1.6 Matlamat Kajian

Secara amnya, kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, amalan pengurusan berasaskan sekolah serta kecerdasan emosional pengetua dan meneroka hubungan serta sumbangan faktor-faktor persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Secara khas matlamat yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional guru dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas baik secara berasingan mahupun bersama-sama. Secara operasional, matlamat penyelidikan yang ingin dicapai adalah untuk:

- 1) Menilai tingkat persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.
- 2) Menilai tingkat persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah di Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.
- 3) Menilai persepsi guru tentang tingkat kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

- 4) Menganalisis hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.
- 5) Menganalisis hubungan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua dan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.
- 6) Menganalisis hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional secara bersama-sama dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

1.7 Persoalan Kajian

Persoalan Kajian (PK) dibina bermatlamat untuk memastikan semua obyekatif kajian boleh dicapai. Bagi matlamat tersebut, kajian ini mengemukakan enam (6) persoalan kajian yang utama seperti berikut:

- PK 1 Sejauhmanakah tingkat persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?
- PK 2 Sajauhmanakah tingkat persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?
- PK 3 Sajauhmanakah tingkat persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?
- PK 4 Adakah terdapat hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan

berasaskan sekolah dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?

PK 5 Adakah terdapat hubungan persepsi guru tentang kecerdasan emosional dan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?

PK 6 Adakah terdapat hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian berdasarkan pada persoalan kajian keempat hingga keenam (PK4 – PK-6) dengan menggunakan analisis Korelasi perason dan regresi sederhana dan berganda yang boleh diujikan sebahagai berikut :

H₀1 : Tidak terdapat hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?

H₀2 : Tidak terdapat hubungan persepsi guru tentang kecerdasan emosional dan amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?

H₀3 : Tidak terdapat hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten?

1.9 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan boleh menyediakan dan memberi pengetahuan yang strategik dalam pengembangan kepimpinan instruksional pengetua di sekolah yang berkaitan dengan amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan kecerdasan emosional.

Kajian ini akan bermanfaat bagi pengembangan ilmu pengetahuan untuk menggali hubungan dan pengaruh amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan kecerdasan emosional terhadap kepimpinan instruksional pengetua sekolah. Ketiga variabel tersebut (amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan kecerdasan emosional, dengan kepimpinan instruksional pengetua) sangat penting kerana peningkatan kualiti sekolah agama akan menjadi salah satu bukti yang menentukannya keberjayaan pengetua sekolah.

Kajian ini juga boleh memberi kesedaran kepada pengetua dan bakal-bakal pengetua mengenai jangkaan-jangkaan bidang tugas dan aktiviti pengurusan supaya mereka boleh membuat persediaan yang lebih mantap untuk memenuhi sebahagian besar daripada jangkaan-jangkaan tugas tersebut kelak.

Kajian ini berguna sebagai inspirasi bagi penyelidik lain dalam bidang yang berkaitan yang memiliki keinginan untuk mengamalkan kajian dengan topik sama dan kes yang sama di Provinsi Banten atau di tempat lain yang berbeza untuk memperkuat atau melihat pergeseran dari teori yang ditemukan dalam kajian ini.

Diharapkan juga boleh daripada kajian ini menyokong pihak pengetua sekolah menilai dan memperbaiki kepimpinannya dalam merealisasikan konsep sekolah yang produktif dan berkesan, juga dapatan kajian ini akan menjelaskan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah serta kecerdasan emosional yang terjadi dalam suatu organisasi sekolah, dengan mengetahui amalan berasaskan sekolah dengan benar, dan direalisasikan dalam aplikasi sekolah akan menghasilkan produktiviti guru dan

pelajar dengan baik, selain itu tak lupa pula kecerdasan emosional juga wajib diperhatikan oleh pengetua sekolah, kecerdasan emosional yang terjadi di sekolah harus boleh dikontrol dan dikawal untuk meningkatkan dan menunjang proses belajar di sekolah, apabila kedua hal ini boleh dijalankan dengan benar maka, kepemimpinan instruksional pengetua secara otomatis akan meningkat pula seiring dengan peningkatan prestasi sekolah dengan dilihat dari kualiti pendidikan dan kualiti lulusan pelajar.

Secara teoritik kajian ini boleh mengetahui hubungan dan kontribusi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dan kepemimpinan instruksional pengetua baik secara berasingan antar dua pembolehubah mahupun secara bersamaan boleh memberikan hubungan atau sama sekali tidak memberikan hubungan terhadap kepemimpinan instruksional pengetua. Dengan demikian hasil yang diperoleh melalui kajian ini akan menjadi fakta yang obyektif dalam mengambil keputusan tentang hubungan dan kontribusi atau daya prediksi kedua pembolehubah tersebut terhadap kepemimpinan instruksional pengetua pada Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten dalam menyelenggarakan aktiviti organisasi sekolah.

1.10 Batasan Kajian

Penyelidikan ini dilakukan terhadap guru Sekolah Agama Menengah Atas Provinsi Banten Indonesia. Persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua yang berkhidmat di Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten. Persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilaksanakan oleh pengetua yang

berkhidmat di Sekolah Agama Menengah Atas Provinsi Banten Indonesia. Persepsi guru tentang kecerdasan emosional yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua yang berkhidmat di Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Kajian ini memberikan tumpuan pada persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua dari aspek: menjelaskan visi dan misi sekolah, menguruskan kurikulum dan pengajaran, memantau kemajuan pelajar, menyelia pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan iklim pembelajaran dan pengajaran, dan perkembangan staf/perkembangan profesional, serta domain perkhidmatan sama dengan pihak luar; tumpuan pada persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dari aspek: kurikulum, kakitangan, kepelajaran, fasiliti, kewangan dan persekitaran yang dipadukan dengan amalan fungsi dan pengurusan yang meliputi perancangan, pengorganisasian, penggerakkan, pengawasan dan evaluasi/penilaian; tumpuan pada persepsi guru tentang kecerdasan emosional dari aspek intrapersonal, interpersonal, penyesuaian tekanan, kemampuan pengawasan tekanan.

1.11 Defenisi Operasional

Beberapa konsep perlu diberikan defenisi secara operasional dan dijelaskan mengikuti konteks kajian ini.

1.11.1 Persepsi Guru

Persepsi guru adalah proses menterjemahkan matlumat yang melibatkan pengetahuan, pengalaman, kognisi, memori, dan perhatian yang diperoleh dari indra melalui persekitarannya yang dilakukan oleh yang dilakukan oleh seseorang profesional yang mempunyai banyak ilmu, memiliki suatu keahlian khas dimana sebahagian waktu,

fikirannya digunakan untuk mendidik, mengajar, membina, mengarahkan, melatih, menilai dan mengevaluasi pelajaran pelajar di sekolah atau lembaga pendidikan formal.

1.11.2 Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah

Kepimpinan instruksional pengetua sekolah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah segala perlakuan yang dilakukan oleh pengetua bagi memajukan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang boleh dilihat dari intensitas amalan tugas-tugas sebahagai pengetua sekolah yang meliputi menjelaskan visi dan misi sekolah, menguruskan kurikulum dan pengajaran, memantau kemajuan pelajar, menyelia pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan iklim pembelajaran dan pengajaran, dan perkembangan staf/perkembangan profesional, serta domain perkhidmatan sama dengan pihak luar.

1.11.3 Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah

Amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pemeraksanaan sekolah dengan autonomi yang dimilikinya untuk menaikkan taraf sekolah berkaitan dengan komponen yang ada di sekolah (pengurusan kurikulum, pengurusan kakitangan, pengurusan pelajar, fasiliti, pengurusan kewangan dan persekitaran) yang disepadukan dengan amalan fungsi pengurusan yang meliputi (perancangan, pengorganisasian, penggerakkan, pengawasan dan evaluasi/penilaian).

1.11.4 Kecerdasan Emosional

Kecerdasan emosional yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kemampuan seseorang dalam mengawal kemahuan emosionalnya yang ditimbulkan melalui mengenal emosi diri, mengelola emosi, memotivasi diri, kejujuran emosi dan

kedalaman emosi, sehingga sikap boleh terkawal, sehingga mampu mengendalikan emosi secara intrapersonal, interpersonal, penyesuaian tekanan, mampu mengawasi tekanan, mampu memainkan peranan dan kesahan tanggapan positif.

1.12 Kesimpulan

Didalam bab ini telah membincangkan beberapa perkara utama berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Ia merangkumi latar belakang kajian. Selain itu, turut dimuatkan dalam bab ini termasuk istilah, matlamat, persoalan kajian. Bab ini memuatkan perbincangan mengenai kepentingan kajian dan batasan kajian. Kepentingan kajian membincangkan persoalan bagaimanakah dapatan kajian boleh dimanfaatkan.